

MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada Rakyat Negeri Selangor yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

TARIKH IKLAN : 01 SEPTEMBER 2022

TARIKH TUTUP IKLAN : 14 SEPTEMBER 2022

BIL.	JAWATAN	GED	TARAF	KEKOSONGAN
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Kontrak	1

**JAWATAN 1 : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
GRED N19**

- 1. KUMPULAN** : PELAKSANA
- 2. KLASIFIKASI** : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)
- 3. JADUAL GAJI** : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM 1,352.00 RM 4,003.00
- : Kadar Kenaikan Gaji Tahunan RM 100.00
- 4. TARAF JAWATAN** : Kontrak
- 5. SYARAT LANTIKAN** :

(a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Gaji Permulaan: RM 1,352.00] atau

(b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM 1,408.40] atau

(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM 1,464.80] atau

(d) Keputusan (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN SPM MENGIKUT SISTEM TERBUKA UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

Calon-calon yang menduduki dan memiliki **Sijil SPM mengikut Sistem Terbuka** boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan demikian sebagai syarat lantikan. Bagi menentukan tahap kelulusan tersebut setaraf dengan kelulusan sijil Penuh SPM, iaitu sijil yang dikeluarkan sebelum pelaksanaan peperiksaan mengikut Sistem Terbuka, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:-

- (a) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus dalam satu peperiksaan; **ATAU**
- (b) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut;
DAN
- (c) Memenuhi syarat Bahasa Melayu samada Kepujian atau Lulus dan subjek-subjek tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk maksud ke jawatan-jawatan yang disyaratkan kelulusan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.